

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah peruntukan Kementerian untuk melatih usahawan sejak 5 tahun lalu mengikut agensi. Berapa jumlah peserta dan dana yang diperuntukkan dalam bentuk geran dan untuk dipinjam oleh usahawan mengikut agensi-agensi ini. Berapa ramaikah di kalangan peserta program pembangunan usahawan oleh pelbagai agensi kerajaan ini akhirnya menjadi usahawan sebenar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan dalam usaha untuk memberikan latihan yang mantap kepada bakal usahawan dan usahawan. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk pinjaman, geran penuh atau geran sepadan (*matching grant*) meliputi pelbagai agensi Kerajaan termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan (MED).
2. Antara program yang dijalankan oleh agensi di bawah MED adalah seperti **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp. Malaysia** untuk membantu usahawan muda atau belia yang berminat untuk memulakan perniagaan menerusi bantuan bersepadu. Mulai tahun ini, program TUBE juga telah diperkembangkan kepada golongan inklusif seperti golongan B40, asnaf, orang kelainan upaya (OKU) dan luar bandar.

3. Antara bantuan bersepadu yang diberikan adalah seperti pensijilan, pembungkusan, khidmat nasihat, bantuan teknikal dan sokongan kewangan. Program ini dijalankan dengan kerjasama Kerajaan dan agensi di peringkat negeri. **Bantuan kewangan yang diberikan adalah dalam bentuk geran bersamaan (*matching grant*) bernilai RM15,000.** Sejak Mac 2018, seramai 1,963 belia Bumiputera telah menerima latihan dan memulakan perniagaan dan jumlah ini merangkumi sebanyak 29 penyertaan dari golongan OKU dan 84 penyertaan dari golongan asnaf. Sebanyak 3,870 peluang pekerjaan juga telah berjaya diwujudkan.

4. Seperti program TUBE, **Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP) juga telah memberikan kelulusan geran bersamaan (*matching grant*)** berjumlah RM2.1 juta kepada 65 syarikat PKS Bumiputera sejak Julai 2018.

5. **Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)** yang juga dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia merupakan program untuk membantu PKS menerokai potensi pasaran antarabangsa terutamanya di kalangan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). **Bantuan kewangan bersepadu diberikan dalam bentuk geran bersamaan (*matching grant*) oleh SME Corp. dan pinjaman mudah daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA).** Sejak Julai 2018, sebanyak 25 syarikat Bumiputera telah diluluskan geran bersamaan (*matching grant*) berjumlah RM2.7 juta.

6. **TEKUN Nasional** melalui Jabatan Latihan Keusahawanan menyediakan latihan kepada para usahawan **TEKUN melalui program Kursus/ Seminar Asas Keusahawanan.** Antara latihan yang diberikan adalah meliputi Modul Keusahawanan, Pemasaran dan Perakaunan. Bagi tempoh 2015 hingga 2019, TEKUN Nasional telah berjaya melatih seramai 183,365 orang usahawan melalui 331 siri kursus yang dijalankan di seluruh negara. Bagi tempoh tahun yang sama, pembiayaan yang telah berjaya disalurkan adalah sebanyak RM2.3 bilion.

7. Koperasi juga memainkan peranan penting dalam aktiviti keusahawanan negara ini. Justeru, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menerima bajet pembangunan sebanyak RM30 juta bagi Program**

Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi dan Program Pembangunan Koperasi – Kapasiti Modal Insan (*mentoring and coaching*).

8. Dari tahun 2016 hingga Jun 2019, SKM telah menyalurkan sejumlah RM17 juta kepada 382 buah koperasi di bawah Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi. Sebanyak RM3.25 juta diperuntukkan untuk 15 program *mentoring and coaching* yang melibatkan satu koperasi mentor dan sekurang-kurangnya 10 koperasi mentee. Koperasi – koperasi yang terlibat dalam program tersebut berjaya meningkatkan pendapatan aktiviti yang diceburi sebanyak 10% hingga 15%.

9. Di samping itu, SKM juga menyediakan **pinjaman kepada Koperasi melalui Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusaingan Jabatan Pembangunan Koperasi (KWA TMP-JK)** untuk membantu koperasi melaksanakan projek berdaya maju. Bagi pinjaman KWA TMP-JPK, sebanyak RM430 juta pinjaman telah dikeluarkan kepada 273 koperasi dari tahun 2016 sehingga Jun 2019.

10. Selain itu, **Institut Koperasi Malaysia (IKM)** telah melaksanakan sebanyak 3,081 **program latihan keusahawanan** dengan bilangan penyertaan sebanyak 164,645 orang peserta dari tahun 2016 sehingga September 2019. Kursus Asas Keusahawanan (KAK) merupakan program yang dilaksanakan dengan kerjasama TEKUN Nasional bermula pada Julai 2019 dengan peruntukan sebanyak RM150,000. Sehingga 17 Oktober 2019, seramai 697 usahawan baru telah mengikuti program ini. Kajian impak sedang dilaksanakan untuk menjejak dan mengumpul data usahawan yang berjaya hasil dari latihan tersebut.

11. **SME Bank** adalah agensi yang bertanggungjawab dalam membantu membangunkan PKS di peringkat pembangunan dan perkembangan (*development and growth*) dari sudut **bantuan pembiayaan dan khidmat nasihat**. Dari tahun 2016 sehingga 2019, geran yang disediakan adalah sebanyak RM120 juta manakala pinjaman sebanyak RM56.7 juta.

12. Pada tahun 2016, SME Bank telah memperkenalkan dua dana iaitu **Skim Anjakan Usahawan (SAU) dan Program Best Exporters**. Sehingga kini, SAU telah mencatatkan kumulatif kelulusan pembiayaan

kepada 20 syarikat sebanyak RM53.3 juta untuk membantu mengembangkan perniagaan PKS Bumiputera ke peringkat yang lebih tinggi. Program *Best Exporters* yang dijalankan dengan kerjasama TERAJU dan MATRADE pula telah berjaya meningkatkan nilai jualan eksport sebanyak 141%. Jumlah keseluruhan geran yang telah diluluskan bagi Program *Best Exporters* adalah sebanyak RM14.6 juta dan melibatkan sebanyak 73 perusahaan.

13. ***Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)*** menerima peruntukan sebanyak RM5 juta dari Kementerian pada tahun 2019. PROTÉGÉ hanya menawarkan program berbentuk *reach out*, kesedaran dan latihan keusahawanan tanpa pembiayaan. Sehingga September 2019, seramai 24,385 belia telah dibantu melalui program pembudayaan keusahawanan melalui program PROTÉGÉ *Reach Out & Awareness by GLC* yang melibatkan kerjasama pihak industri, agensi dan IPTA di seluruh negara. Di samping itu, seramai 36 usahawan muda telah diperkasa untuk menjadi usahawan melalui PROTÉGÉ *Business Accelerator*. Program ini menyediakan latihan insentif dan sesi permentoran bersama BisKaunselor yang dilantik selama empat (4) bulan.

14. **Institut Keusahawanan (INSKEN)** adalah agensi yang mendapat mandat dalam **pembangunan kapasiti dan latihan**. Oleh itu **tiada dana atau geran khusus yang diterima oleh INSKEN untuk diberikan sebagai geran atau pinjaman kepada para usahawan**.

15. Sejak tahun 2016, INSKEN telah menerima peruntukan sebanyak RM20.1 juta dan melibatkan sebanyak 8,107 peserta. Inisiatif yang dilaksanakan oleh INSKEN meliputi:

- a. Kursus Latihan Teknikal Keusahawanan Jangka Pendek berbentuk *outcome-based*; dan
- b. Program *coaching and mentoring* selama 4 bulan dan mensasarkan kenaikan jualan sebanyak 20% selepas tamat program.

NO. SOALAN : 523

16. Sehingga 31 Oktober 2019, sebanyak 61% peserta berjaya meningkatkan hasil jualan sebanyak 20% dan 26% peserta berjaya mewujudkan lebih 10% peluang pekerjaan.

17. **Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)** pula berperanan untuk membangunkan usahawan/ *start-up* unik yang berteraskan inovasi dan kreativiti. MaGIC juga merupakan sebuah agensi yang **tidak memberikan bantuan dana kewangan** kepada usahawan/*start-up*. MaGIC telah menerima peruntukan sebanyak RM26.66 juta dari tahun 2014 hingga 2018 bagi melaksanakan program pembangunan bagi usahawan/ *start-up*. MaGIC telah berjaya menghasilkan 986 buah *start-up* unik dan memberi kesan perubahan kepada 84,932 individu. Sehingga tahun 2018, 66% masih lagi kekal aktif dalam industri keusahawanan sehingga ke peringkat global dan berjaya menarik pelaburan berjumlah RM544 juta.

Sekian, terima kasih.

